

Saifuddin jangka lagi inisiatif Najib di AGM Umno, Bajet 2012
The Malaysian Insider
22 September, 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 22 Sept — Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Saifuddin Abdullah menjangkakan pentadbiran Najib akan membawa pengumuman penting menjelang dua detik penting menjelang akhir tahun ini selepas pembaharuan diumumkan minggu lalu.

Bulan depan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak akan mengumumkan Bajet 2012 dan seterusnya menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno 2011 selaku presidennya.

Oleh itu kata Saifuddin (gambar), Najib akan mengumumkan dua perkara penting bagi meneruskan komitmen kerajaan dalam tempoh terdekat.

"Saya jangkakan ada dua lagi perkara yang penting akan diumumkan untuk melengkapkan ucapan Datuk Najib iaitu semasa pembentangan Bajet 2012 pada 7 Oktober dan semasa ucapan Presiden Umno pada perhimpunan agung Umno pada penghujung November ini.

"Saya jangkakan Datuk Najib ingin meneruskan apa yang telah beliau katakan," kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ini pada sesi teh tarik ucapan perdana menteri sempena Hari Malaysia di sini malam tadi.

Dua perkembangan itu dilihat penting dan menarik untuk dilihat menjelang pilihan raya umum ke-13.

Saifuddin juga menyokong langkah Putrajaya untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sambil menyifatkan pentadbiran Najib telah melakukan strategi politik yang bijaksana.

Katanya, Najib telah melakukan anjakan apabila memutuskan untuk memansuhkan ISA yang dikuatkuasakan sejak 1960.

"Saya lihat ucapan itu adalah ucapan yang berani, bersejarah dan perubahan dalam politik tanah air, saya melihat Datuk Najib membayangkan beliau hendak melakukan transformasi lebih progresif selepas ini.

"Saya lihat Datuk Najib seperti membuka hamparan baru iaitu hamparan demokrasi dan transformasi politik," kata Saifuddin.

Dalam perutusan khas sempena Hari Malaysia minggu lalu, Najib mengumumkan bahawa ISA akan dimansuhkan dan dua undang-undang baru yang sesuai akan digubal bagi memelihara keamanan, kesejahteraan, kesentosaan serta kerukunan hidup rakyat dan negara.

Dua undang-undang baru akan digubal di bawah "semangat serta payung" Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi mencegah perbuatan subversif, keganasan terancang dan perbuatan jenayah.

Najib menegaskan bahawa undang-undang baru itu akan memperuntukkan tempoh tahanan polis yang lebih pendek daripada yang dijalankan pada masa ini.

Kerajaan juga menjamin bahawa mana-mana individu tidak akan ditahan semata-mata hanya kerana ideologi politik.

Menurut Saifuddin, tindakan terbaru kerajaan Barisan Nasional (BN) itu membuktikan parti pemerintah itu sentiasa bertindak mengikut keperluan dan realiti semasa.

"Saya kira Datuk Najib amat memahami realiti semasa dan kerana itu beliau lakukan ucapan begitu untuk membawa politik yang sesuai dengan realiti semasa.

"Walaupun apa yang beliau lakukan dilihat sebagai satu permulaan tetapi dalam Umno ia merupakan satu kesinambungan dan kalau dari segi masa ia tepat kerana dalam sejarah Umno-BN akan lakukan perkara-perkara sedemikian," katanya.

Tambah Ahli Parlimen Temerloh ini, keputusan untuk memansuhkan ISA adalah satu langkah tepat memandangkan ia tidak lagi sesuai untuk dikuatkuasakan lagi.

"ISA yang digubal pada 1960 adalah untuk berhadapan dengan masalah keganasan yang wujud pada waktu itu.

"Dari segi politik ia strategi yang baik kerana ISA banyak pakej politik... ia adalah strategi politik yang bijaksana," kata Saifuddin yang turut menantikan dua undang-undang baru yang bakal menggantikan ISA.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saifuddin-jangka-lagi-inisiatif-najib-di-agm-umno-bajet-2012/>